

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai
Keluaran : Mac 2026
Tajuk : Pemfailan Borang BE 2025 – Tanggungjawab Setiap Pembayar Cukai

Info Cukai

Oleh: HASIL

Pemfailan Borang BE 2025 Tanggungjawab Setiap Pembayar Cukai



Mulai 1 Mac 2026, pembayar cukai boleh mengakses sistem e-Filing untuk memfailkan Borang BE Tahun Taksiran 2025 bagi individu yang memperoleh pendapatan daripada penggajian, iaitu pendapatan selain perniagaan. Untuk tujuan ini, mereka perlu melayari Portal MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>. Walaupun sistem e-Filing kini lebih sistematik dan mesra pengguna, persediaan awal tetap penting bagi mengelakkan kesilapan pelaporan, kelewatan pemfailan dan risiko penalti di bawah undang-undang percukaian.

Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), khususnya Seksyen 4(b), pendapatan penggajian tertakluk pada cukai. Pendapatan ini, termasuk gaji bulanan, elaun tetap, bayaran kerja lebih masa, bonus tahunan dan komisen. Sebagai contoh, seorang eksekutif yang menerima gaji RM5,000 sebulan dan bonus prestasi tahunan perlu mengisytiharkan keseluruhan pendapatan dalam Borang BE. Begitu juga individu yang menerima gaji RM4,800 dan pendapatan sampingan daripada penggajian lain wajib melaporkan kedua-dua sumber pendapatan ini.

Skop pendapatan penggajian tidak terhad pada bayaran tunai semata-mata. Seksyen 13 ACP 1967 memperuntukkan bahawa faedah berupa barangan (Benefit-In-Kind) dan nilai tempat kediaman (Value of Living Accommodation) juga dianggap sebagai pendapatan bercukai. Sebagai contoh, pekerja yang disediakan kereta syarikat atau rumah sewa oleh majikan menerima manfaat bercukai walaupun tiada bayaran tunai diterima.

Sebagai persediaan awal, pembayar cukai digalakkan memastikan akaun MyTax berada dalam keadaan aktif, serta maklumat peribadi seperti status perkahwinan, alamat surat-menyurat dan maklumat akaun bank dikemas kini. Perubahan status daripada bujang kepada berkahwin misalnya, boleh mempengaruhi kelayakan pelepasan cukai dan jumlah cukai yang perlu dibayar.

Dari segi dokumentasi, pembayar cukai perlu mengumpulkan dokumen penting seperti Penyata EA atau Penyata EC, penyata caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), resit perubatan, insurans, yuran pengajian, penyata Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), perbelanjaan gaya hidup, serta bukti bayaran zakat. Selaras dengan Seksyen 82 ACP 1967, semua dokumen ini perlu disimpan sekurang-kurangnya tujuh tahun walaupun e-Filing telah dihantar.

Memahami Pelepasan Cukai

Antara pelepasan utama cukai termasuklah pelepasan individu dan ibu bapa, individu dan peralatan sokongan orang kurang upaya anak mengikut kategori umur dan pendidikan, perbelanjaan perubahan, yuran pengajian, simpanan SSPN, serta faedah pinjaman rumah pertama. Setiap kategori disertakan amaun maksimum pelepasan bagi memudahkan pembayar cukai mengenal pasti kelayakan mereka.

Selain itu, pelepasan cukai turut berkaitan dengan gaya hidup yang merangkumi pelepasan asas hingga RM2,500 dan pelepasan tambahan hingga RM1,000, serta pelepasan khusus seperti peralatan penyusuan anak. Dari sudut kesihatan dan perlindungan kewangan, pelepasan cukai penting seperti perbelanjaan perubahan hingga RM10,000, peralatan sokongan OKU hingga RM6,000, serta insurans dan caruman KWSP hingga RM7,000. Sebagai contoh, pembayar cukai yang menanggung kos rawatan penyakit serius atau membayar premium insurans nyawa sepanjang tahun boleh mengurangkan pendapatan bercukai dengan ketara jika tuntutan dibuat dengan tepat dan disokong resit yang sah.

Pelepasan dan rebat cukai yang dibenarkan undang-undang bertujuan meringankan beban kewangan pembayar cukai. Setiap tuntutan mesti dibuat secara berhemah berasaskan kelayakan sebenar dan disokong dokumen yang sah, bukannya anggaran atau andaian. Langkah ini penting untuk mengelakkan penalti dan cukai tambahan jika diaudit.

Walaupun sistem e-Filing menyediakan fungsi praisi berdasarkan maklumat majikan dan institusi berkaitan dengannya, pembayar cukai tidak seharusnya bergantung sepenuhnya pada maklumat tersebut. Kesilapan jumlah Potongan Cukai Bulanan (PCB) atau pendapatan sampingan yang tidak dilaporkan perlu diperbetulkan oleh pembayar cukai. Di bawah Seksyen 114 ACP 1967, pengisytiharan tidak benar boleh membawa kepada penalti dan tindakan undang-undang.

Terdapat salah faham bahawa PCB merupakan cukai muktamad. Hakikatnya, PCB hanyalah bayaran pendahuluan. Melalui e-Filing, cukai sebenar akan dikira semula, sama ada pembayar cukai layak menerima bayaran balik atau perlu membuat bayaran tambahan.

Pemfailan Borang BE lebih awal memberikan ruang untuk semakan dan pembedakan tanpa tekanan. Sistem e-Filing lazimnya sesak apabila menghampiri tarikh akhir dan kegagalan mengemukakan borang dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan penalti di bawah Seksyen 112(1) ACP 1967 walaupun pembayar cukai tidak mempunyai cukai tambahan untuk dibayar.

Pemfailan e-Filing Borang BE Tahun Taksiran 2025 bukan sekadar rutin tahunan, tetapi tanggungjawab perundangan yang memerlukan perancangan, kefahaman asas cukai dan disiplin dokumentasi. Dengan persediaan awal dan rujukan kepada pelepasan cukai, pembayar cukai dapat mengurus kewajipan cukai secara lebih teratur, tepat dan patuh undang-undang.

Untuk pemahaman lebih menyeluruh, pembayar cukai boleh merujuk laman rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) melalui pautan <https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/lapor-pendapatan/pelepasan-cukai/>.

